



Ruj. Kami : MOA.200-7/1/5 Jld. 4 (93)

Tarikh: 17 Mac 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN BILANGAN 1 TAHUN 2020

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI WARGA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan langkah-langkah berkaitan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan kepada semua rakyat Malaysia bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak Pandemik COVID-19.

3. Justeru, Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi panduan kepada warga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta jabatan/ agensi di bawahnya (selepas ini akan disebut sebagai warga Kementerian) berkaitan pelepasan khas daripada bertugas atau kebenaran untuk **bekerja dari rumah** bagi memastikan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut dipatuhi.

KAEDAH PELAKSANAAN

4. Bagi maksud Surat Pekeliling ini “**bekerja dari rumah**” bermaksud pegawai yang dibenarkan untuk tidak hadir ke pejabat, institusi atau fasiliti mengikut waktu bekerja yang ditetapkan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan diberi kebenaran untuk melaksanakan skop tugas di rumah.
5. Secara amnya, semua premis kerajaan perlu ditutup dan semua warga Kementerian dengan ini diarahkan untuk bekerja dari rumah. Semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Jabatan/ Agensi hendaklah mengagihkan tugas bagi pelaksanaan arahan bekerja dari rumah.
6. Semua warga Kementerian dalam tempoh waktu bekerja hendaklah sentiasa boleh dihubungi dan bersedia untuk hadir ke pejabat atau lokasi-lokasi lain sekiranya diarahkan oleh Setiausaha Bahagian dan Ketua Jabatan/ Agensi.
7. Bagi tujuan pelaksanaan arahan bekerja dari rumah, semua warga Kementerian dibenarkan untuk membawa pulang aset keperluan seperti laptop dan dokumen-dokumen yang bukan dikategorikan sebagai Rahsia.
8. Kehadiran di pejabat perlu dipastikan dalam bilangan yang sangat minimum. Semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Jabatan/ Agensi hendaklah menyediakan jadual penggiliran berdasarkan keutamaan kepada isu-isu kritikal yang perlu diselesaikan segera.
9. Setiap warga Kementerian yang diarahkan untuk hadir ke pejabat **DIWAJIBKAN** untuk membawa pas keselamatan pekerja masing-masing. Sesiapa yang didapati gagal mematuhi arahan ini boleh menyebabkan pegawai tersebut ditahan oleh pihak berkuasa.
10. Oleh kerana bekalan makanan termasuk dalam kategori **perkhidmatan penting negara (atau essential services)**, semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Jabatan/ Agensi boleh menentukan pegawai yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan bagi memastikan perkhidmatan terus dilaksanakan kepada kumpulan sasar.

11. Namun demikian, aspek keselamatan bangunan pejabat harus diutamakan. Justeru, semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Jabatan/ Agensi juga perlu memastikan sekurang-kurangnya seorang pegawai ditugaskan bagi tujuan memantau keselamatan pejabat.

12. Semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Jabatan/ Agensi juga dikehendaki mengemukakan senarai nama pegawai dan kakitangan yang perlu menjalankan tugas-tugas kritikal bagi mendapatkan kebenaran pengecualian untuk kebenaran hadir ke pejabat.

13. Ketua Setiausaha akan memberi penurunan kuasa kepada Ketua Jabatan/ Agensi untuk menandatangani surat kebenaran kepada pihak yang berkepentingan agar semua **perkhidmatan penting negara (atau essential services)** di bawah tugas dan fungsi Kementerian dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

HAL-HAL LAIN

14. Semua Jabatan/Agensi hendaklah mewujudkan medium perhubungan di Jabatan/ Agensi masing-masing. Penyelarasan aspek komunikasi bagi peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi adalah berpusat di Bilik Gerakan seperti berikut :

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19
Aras 9, Blok 4G1, Wisma Tani
PUTRAJAYA.

Telefon : 03-8870 1307

Faks : 03-8888 6020

Urus setia : Bahagian Pentadbiran

Waktu operasi : 8.00 am – 6.00 pm

15. Semua warga Kementerian hendaklah sentiasa berada di rumah dalam tempoh pelaksanaan bekerja di rumah. Warga Kementerian yang didapati ingkar arahan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras Perkara 4(i) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

16. Selain itu, warga kementerian bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat hanya daripada sumber yang sahih.

17. Arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan “Garis Panduan Pengendalian Isu-isu Berhubung Penularan Jangkitan Wabak COVID-19 di Premis Kerajaan” (dikeluarkan oleh JPA pada 16 Mac 2020) dan Arahan Bekerja Dari Rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan (dikeluarkan oleh JPA pada bertarikh 17 Mac 2020).

TARIKH KUAT KUASA

18. Arahan ini berkuat kuasa dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 atau sehingga tempoh yang akan dimaklumkan kelak.

PENAFIAN

19. Arahan ini tertakluk kepada sebarang pemakluman dan surat pekeliling daripada JPA dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ZAINAL AZMAN BIN ABU SEMAN)